

21 AUG 2003

Sukan-Permotoran (MME)

SIC CADANG PERKENAL KATEGORI BARU MME MUSIM DEPAN

KUALA LUMPUR, 21 Ogos (Bernama) -- Penganjur Perlumbaan Merdeka Millennium Endurance (MME), Sepang International Circuit Sdn Bhd (SIC) akan mengkaji kemungkinan mewujudkan dua kategori perlumbaan pada musim depan.

"Pada masa hadapan, sekiranya jumlah pelumba kelas O dan A bertambah, kita mungkin akan pecahkan acara itu kepada dua high speed and high performance car and less capacity car," kata pengerusinya Datuk Mokhzani Mahathir.

Katanya cadangan itu adalah berdasarkan pertambahan jumlah penyertaan dan sambutan yang menggalakkan setiap tahun.

Menurut beliau tujuan diadakan dua kategori itu adalah untuk mengelakkan situasi merbahaya seperti kemalangan kerana sebelum ini banyak kemalangan membabitkan soal keselamatan pelumba.

Beliau berkata demikian pada sidang media mengenai rancangan-rancangan RTM sempena menyambut Hari Kemerdekaan bersama Timbalan Menteri Penerangan Datuk Zainuddin Maidin di Pusat Penyiaran Antarabangsa (IBC) di sini hari ini.

Sejak diperkenalkan pada tahun 2000 lalu sempena sambutan ulangtahun Hari Kemerdekaan, acara perlumbaan selama 12 jam itu hanya mempertandingkan satu kategori sahaja iaitu kategori terbuka (O).

Mokhzani menjelaskan kemungkinan mengadakan dua kategori itu adalah berdasarkan kepada pertambahan penyertaan pelumba dalam kategori kelas O dan A yang mungkin akan menggugat perlumbaan bagi pemandu kategori B dan C.

Perbezaan kelajuan antara kelas O adalah lebih kurang 260 kilometer sejam (top speed) berbanding Proton Satria (Kelas B) yang top speednya hanya 160 hingga 170 kilometer sejam.

"Perbezaan lebih kurang 100 kilometer sejam menjadi masalah yang besar lebih-lebih lagi bagi pemandu-pemandu Kelas B dan C yang mungkin tidak begitu berpengalaman atau handal berlumba dalam suasana yang kompetitif," katanya.

Mengikut pengkelasan penyertaan MME, kereta yang mempunyai kuasa lebih daripada 1800cc diletakkan di bawah kelas A, manakala kelas B pula 1601 hingga 1800cc dan kelas C untuk kereta kurang daripada 1600cc. Sementara kelas O (Open) pula adalah kereta-kereta dari semua kelas berkenaan tetapi telah dibuat pengubahsuaian pada enjin kenderaan itu.

Menurut beliau setakat ini sebanyak 92 kereta telah mendaftar untuk menyertai perlumbaan tahun ini tetapi hanya 77 buah sahaja akan dipilih mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh Persekutuan Automatif Antarabangsa (FIA).

Mereka yang layak akan dipilih melalui sesi kelayakan yang akan diadakan pada 29 Ogos ini, kata Mokhzani.

Katanya, tujuan itu jelas bagi meningkatkan perkembangan positif perlumbaan permotoran di negara ini.

Perlumbaan itu menawarkan hadiah lumayan yang berjumlah RM150,000. Juara perlumbaan MME kali ini akan membawa pulang wang tunai sebanyak RM30,000.

Acara itu akan disiarkan secara langsung melalui rangkaian RTM dan bagi penggemar perlumbaan permotoran mereka boleh menyaksikannya dari 10 pagi pada 30 Ogos ini.

-- BERNAMA

RAF AHH ZB